



31 Disember 2011
31 December 2011
P.U. (A) 444

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 10) 2011

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 10) ORDER 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 10) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2011.**

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2014.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai kepada sukuk bukan ringgit yang berasal dari Malaysia dan yang dikeluarkan atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*].

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan orang yang berikut yang bermastautin di Malaysia bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada aktiviti terkawal berniaga dalam sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang berhubungan dengan urusan berniaga dalam sukuk:

(a) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi aktiviti terkawal berniaga dalam sekuriti;

(b) orang yang ditentukan sebagai seorang berdaftar di bawah Jadual 4 (perenggan 76(1)(a)) Akta itu; dan